

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]
TARIKH : 19 MEI 2015
SOALAN :**

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) keputusan;
- (b) kesahihan;
- (c) kewibawaan; dan
- (d) pendirian Kementerian terhadap kajian saintifik bertajuk
"Exposure to emissions from municipal solid waste incinerators and miscarriages: A multisite study of the MONITER Project"
(<http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/25765761>).

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan dari kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang lemah antara pendedahan kepada emisi insinerator dengan risiko keguguran. Penemuan kajian ini juga hanya relevan kepada kawasan kajian di utara Italy sahaja kerana ianya bergantung kepada jenis insinerator yang digunakan. Kajian ini melibatkan 7 insinerator jenis lama yang mula berfungsi dari tahun 1968. Insinerator terkini menggunakan teknologi baru seperti 'Combustion Chamber' untuk menghasilkan 'complete combustion' dan juga 'Air Pollution Control Devices'. Teknologi ini dapat mengawal dan menghasilkan emisi yang selamat seperti yang ditentukan dalam piawaian Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat tiga (3) buah kajian dan dua (2) buah ulasan sistematik (systematic reviews) yang dijalankan tidak menunjukkan kaitan antara emisi insinerator dan peningkatan risiko keguguran. Dengan ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpendapat penggunaan insinerator perlu mengikut syarat-syarat dalam Environmental Quality Act 1974. KKM sentiasa prihatin dengan isu pembakaran insinerator yang dikaitkan dengan kesihatan awam dan memantau hasil kajian dan penemuan-penemuan baru dari kertas-keratas saintifik jurnal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN : 67

TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu peneroka-peneroka FELDA akibat dari kejatuhan harga komoditi dan kejatuhan nilai saham Felda Global Venture di pasaran.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM.

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, turun naik harga komoditi sawit dan getah diluar kawalan FELDA. Ia ditentukan oleh pasaran dunia. Walau bagaimanapun, FELDA mempunyai dasar Pendapatan Minima dimana sekiranya pendapatan peneroka kurang dari RM1,000.00 sebulan, potongan BK (Bayaran Kembali) Hutang Pembangunan ditangguhkan kecuali hutang persendirian seperti baja, Pinjaman Pembesaran Rumah dan saham FGV.

Mengambil kira faktor luar kawalan ini, FELDA melaksanakan pelbagai inisiatif kepada warga peneroka bagi memperolehi pendapatan selain daripada ladang. Antaranya adalah melalui aktiviti bukan perladangan seperti bidang keusahawanan. FELDA telah menubuhkan Jabatan Pembangunan Usahawan yang berperanan untuk menggalakkan peneroka dan tanggungannya menceburi bidang keusahawanan. Sehingga Mac 2015, seramai 21,851 atau 19.40% peneroka telah terlibat menjalankan pelbagai aktiviti keusahawanan seperti perniagaan, perkhidmatan, penternakan, tanaman, perusahaan, kraftangan dan akuakultur. Hasil aktiviti '*non farm*' ini telah memberi purata pendapatan berjumlah RM6,306.87 sebulan kepada peneroka yang terlibat. FELDA juga ada menyediakan kemudahan pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) yang merupakan skim pinjaman tanpa faedah. Pinjaman diberi dalam bentuk input dan peralatan. FELDA juga menjalin kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan yang

lain dalam menyediakan kemudahan pinjaman dan khidmat nasihat untuk memajukan perniagaan mereka.

Selain itu, peneroka juga berpeluang untuk memiliki saham Koperasi Permodalan FELDA (KPF). FELDA menggalakkan peneroka membuat tabungan penyimpanan di dalam KPF dengan memberi sijil saham percuma di peringkat awal dan menyediakan kemudahan pinjaman untuk meningkatkan tabungan. Sejak tahun 1980 hingga 2013, KPF mampu membayar dividen pada kadar 10-18%. Purata kadar bayaran dividen pada 2009-2013 ialah 14%, iaitu jauh lebih baik daripada mana-mana institusi pelaburan dan saham amanah dalam negara.

Berkaitan kejatuhan nilai Saham FGV, FELDA telah menebus semua saham peneroka sebanyak 800 unit setiap peneroka dari institusi-institusi kewangan pada tahun 2012 dan peneroka hanya membayar RM50.00 sebulan tanpa faedah. Untuk rekod, melalui penyenaian FGV pada 28 Jun 2012, FELDA memiliki pegangan ekuiti FGV secara langsung sebanyak 20%. Pegangan ekuiti ini bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan peneroka di dalam FGV yang mana penerimaan dividen yang diumumkan oleh FGV bagi pegangan ekuiti ini akan diagihkan semula kepada peneroka.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (68)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 19 MEI 2015
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah premis komersial yang diguna pakai untuk tujuan agama tanpa lesen dan permohonan yang belum diluluskan serta lesen yang telah dikeluarkan mengikut pecahan daerah dan negeri setiap tahun dari 2010-2015.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang permohonan bagi mendirikan rumah ibadat baharu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan akan menggunakan peraturan sedia ada melalui Kebenaran Merancang (KM) untuk menilai kesesuaian pembinaan rumah ibadat tersebut. Jawatankuasa Hal Ehwal Selain/Bukan Islam peringkat negeri seterusnya akan menilai permohonan pembinaan rumah ibadat dengan adanya timbang tara daripada pandangan penduduk di kawasan sekitar. Bagi menubuhkan tempat ibadat di premis sedia ada, permohonan untuk menukar syarat nyata tanah kepada rumah ibadat hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan seterusnya permohonan akan dipertimbangkan melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam di setiap negeri.

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), bilangan premis komersial yang dikenal pasti digunakan untuk tujuan agama tanpa kelulusan adalah sebanyak 39 buah premis di semua PBT di Negeri Selangor manakala sebanyak 1 buah premis di Negeri Kelantan (Majlis Daerah Kuala Krai).